

Setiausaha Sulit Kanan Kepada
DYMM Tuanku Raja Perlis
Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis
02600 Arau
PERLIS

Faks : 04-9862260

Tuan,

**MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI 1438H BERSAMA DYMM TUANKU RAJA
PERLIS DAN DYMM TUANKU RAJA PEREMPUAN PERLIS**

Izinkan saya dengan segala hormatnya menjemput perhatian tuan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan XXXXXX akan menganjurkan Majlis Sambutan Aidilfitri 1438H Bersama DYMM Tuanku Raja Perlis dan DYMM Tuanku Raja Perempuan Perlis pada ketetapan yang berikut:

Tarikh : 16 Mac 2017 (Khamis)
Masa : 8.30 malam
Tempat : Dewan Warisan, Kangar, Perlis
Kod Etika Pemakaian : Baju Kebangsaan

3. Sehubungan itu, Pejabat ini berhasrat untuk mempersilakan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis dan DYMM Tuanku Tengku Fauziah binti Almarhum Tengku Abdul Rashid, Raja Perempuan Perlis untuk bercemar duli berangkat ke majlis termaklum. Bersama-sama ini dilampirkan cadangan atur cara program untuk tatapan

Baginda berdua jua. Turut dikembarkan ialah senarai cadangan menu untuk limpah perkenan Baginda berdua.

4. Sesungguhnya, kerjasama dan perhatian Tuan untuk menyembah maklumkan hasrat ini kepada Baginda berdua amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“INTERGRITI PROFESIONAL MESRA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' XXXXXXXXXXXXXXX)
Pengarah
Jabatan XXXXXX

ATURCARA
MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI 1438H BERSAMA DYMM TUANKU RAJA
PERLIS DAN DYMM TUANKU RAJA PEREMPUAN PERLIS

Tarikh : **16 Mac 2017 (Khamis)**

Tempat : **Dewan Warisan, Kangar**

- 8.00 malam : Ketibaan dif-dif jemputan
- 8.15 malam : Ketibaan YAB Menteri Besar Perlis dan isteri
- 8.25 malam : Keberangkatan tiba DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan
DYTM Raja Puan Muda Perlis
- 8.30 malam : Keberangkatan tiba DYMM Tuanku Raja Perlis dan
DYMM Tuanku Raja Perempuan Perlis
- : Lagu Negeri
- : Penyempurnaan Titah Perasmian oleh DYMM Tuanku
Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra
Jamalullail, Raja Negeri Perlis
- : Santapan/ Jamuan
- : Persembahan
- : Pengurniaan Hadiah
- : Persembahan cendera-mengangan
- : DYMM Tuanku Raja Perlis dan DYMM Tuanku Raja
Perempuan Perlis berangkat meninggalkan majlis
- : DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja
Puan Muda Perlis berangkat meninggalkan majlis
- : YAB Menteri Besar Perlis dan isteri meninggalkan majlis
- 11.30 malam : Bersurai

SENARAI CADANGAN MENU
MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI 1438H BERSAMA DYMM TUANKU RAJA
PERLIS DAN DYMM TUANKU RAJA PEREMPUAN PERLIS

Tarikh : **16 Mac 2017 (Khamis)**
Tempat : **Dewan Warisan, Kangar**

- i. Nasi hujan panas
- ii. Nasi putih
- iii. Ketupat palas
- iv. Nasi impit
- v. Rendang ayam
- vi. Sate ayam dan daging
- vii. Kuah kacang
- viii. Ayam masak merah
- ix. Daging salai
- x. Ikan kembung goreng
- xi. Sayur campur
- xii. Ulam
- xiii. Teh Tarik
- xiv. Kopi O
- xv. Air mineral